



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**EKSPERIMENTASI TEKNIK SULAMAN PADA KULIT KAYU
TAKALONG**

Nurhairanis Bte Azhar

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2012

EKSPERIMENTASI TEKNIK SULAMAN PADA KULIT KAYU TAKALONG

NURHAIRANIS BTE AZHAR

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Teknologi Seni Reka (Tekstil dan Fesyen)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2012

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: EKSPERIMENTASI TEKNIK SULAMAN PADA KULIT KAYU
TAKALONG

SESI PENGAJIAN : 2009/2012

Saya NURHAIRANIS BTE AZHAR

mengaku membenarkan *tesis ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. **sila tandakan

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:
No 13, Lorong Mewah 11, Taman
Mewah, 34670 Kamunting,
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : _____

Tarikh : _____

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

Projek bertajuk '**EKSPERIMENTASI TEKNIK SULAMAN PADA KULIT KAYU TAKALONG**' telah disediakan oleh **Nurhairanis Bte Azhar** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka Tekstil dan Fesyen**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Cik Norhayati Binti Suleiman)

Pensyarah,

Jabatan Teknologi Seni Reka

Tarikh :.....

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi lain.

.....
(Nurhairanis Bte Azhar)
No. Matrik: 24670

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada ke hadirat ilahi kerana limpah dan kurnia-Nya akhirnya saya berjaya menyiapkan projek tahun akhir ini.

Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya iaitu Cik Norhayati binti Suleiman. Pensyarah Fesyen dan Tekstil iaitu Dr. Hjh Nazlina binti Shaari dan Dr. June Ngo Siok Kheng, yang telah memberi pendapat dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Sekalung ucapan terima kasih kepada ibu dan ayah, Azhar bin Abu Bakar dan Hamidah bt Hj. Maulud serta orang tersayang. Doa dan dorongan yang diberikan serta pengorbanan mereka sangat dihargai dan tidak akan pernah dilupakan tidak terhingga.

Tidak lupa juga, kepada juruteknik En. Azman bin Mustapha dan semua pensyarah Teknologi Seni Reka, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif dan rakan-rakan yang banyak memberikan semangat serta bantuan sepanjang penyelidikan yang dijalankan ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan FSGK, terutama program Teknologi Seni Reka sesi 2011/2012 yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Sekian Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
Borang Pengesahan	i
Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Abstrak	vi
Abstract	vii

BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Sorotan Kajian	4
1.2 Persoalan kajian	5
1.3 Penyata Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Hipotesis	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	7

1.8 Limitasi Kajian	8
1.9 Kesimpulan	8

BAB 2 METODOLOGI KAJIAN

2.0 Pengenalan	9
2.1 Metodologi Kajian	9
2.2 Data Primer	10
2.2.1 Pemerhatian	10
2.2.2 TemuBual	11
2.2.3 Borang soal selidik	11
2.2.4 Eksperimentasi	14
2.3 Data Sekunder	
2.3.1 Pembacaan	22
2.4 Kesimpulan	22

BAB 3 HASIL DAPATAN KAJIAN

3.0 Pengenalan	23
3.1 Pemerhatian	23
3.2 TemuBual	27
3.3 Analisa Data Borang soal selidik	29

3.4	Eksperimen Kajian dan Persampelan	46
3.4.1	Rawatan terhadap kulit kayu yang sedia ada	47
3.4.2	Teknik sulaman yang bersesuaian pada kulit kayu yang telah dirawat	50
3.5	Pemilihan fabrik yang sesuai dan berpontensi	53
3.6	Kesimpulan	54

BAB 4 PRODUK AKHIR

4.0	Pengenalan	55
4.1	Proses rekaan	56
4.2	Perkembangan idea	57
4.2.1	Konsep	57
4.2.2	Lakaran idea	58
4.3	Spesifikasi Produk Akhir	60
4.3.1	Rekaan produk pertama	61
4.3.2	Rekaan produk kedua	63
4.3.3	Rekaan produk ketiga	65
4.3.4	Rekaan produk keempat	67
4.3.5	Rekaan produk kelima	69
4.4	Kesimpulan	71

BAB 5 VALIDASI PRODUK

5.0 Pengenalan	72
5.1 Proses validasi	72
5.2 Kekuatan Produk	74
5.3 Kelemahan Produk	75
5.4 Batasan atau kekangan kajian	75
5.5 Kesimpulan	76

KESIMPULAN

RUJUKAN

BIBLIOGRAFI

GLOSARI

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

HARTA INTELEK

- Definisi Harta Intelek
- Kepentingan Perlindungan Harta Intelek
- Diskripsi
- Tuntutan / Claim.

LAMPIRAN B

Costing sheet produk 1

Costing sheet produk 2

Costing sheet produk 3

Costing sheet produk 4

Costing sheet produk 5

LAMPIRAN C

Pattern Loyout Rekaan 1

Pattern Loyout Rekaan 2

Pattern Loyout Rekaan 3

Pattern Loyout Rekaan 4

Pattern Loyout Rekaan 5

LAMPIRAN D

Borang Soal Selidik

Borang Soal Selidik Validasi

LAMPIRAN E

-Papan konsep

-Panel

-Lukisan Teknikal *Drawing*

-Rekaan produk 1 – 5

ABSTRAK

Kaum etnik di Sabah dan Sarawak merupakan kaum di Malaysia yang popular dalam penghasilan Kulit Kayu *Takalong* (*Artocarpus atilis*). Kebanyakan kulit *Takalong* digunakan dalam penghasilan kraftangan dengan penggunaan teknik jahitan tangan, mesin dan pewarnaan secara celupan, tulis tangan dan cetak. Kajian adalah untuk mengenalpasti kesesuaian jahitan sulaman tangan dan mesin untuk diaplikasikan pada permukaan kulit kayu tersebut yang menitikberatkan aspek tekstura, ketahanannya dan ketebalannya. Hasil dapatan kajian mampu memberi teknik alternatif dalam mengaplikasikan nilai tambah pada permukaan kulit kayu *Takalong* dalam industri pembuatan produk kraftangan.

ABSTRACT

Ethnic group in Sabah and Sarawak is a race in Malaysia that popular uses a Takalong's skin (Artorcapus atilis). Takalong's skin used in handicraft production which is uses hand's sewing technique, machine technique and by coloration dip, write hand and printing. The research focuses on identifying hand embroidery stiches suitability and machine to be applied in Takalong's skin surface that emphasize the texture, resilience and thickness. The result of the researches can give the alternative technique in added value on the Takalong's skin surface for the product manufacturing industry.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 PENGENALAN

Dalam penyelidikan tahun akhir ini, saya akan menjalankan eksperimentasi teknik sulaman pada kulit kayu takalong. Beberapa jenis teknik sulaman akan dikaji demi kesesuaiannya terhadap kulit kayu takalong ini dari aspek karakternya. Bahagian yang dikaji ialah bahagian luaran kulit kayu takalong. Pokok takalong merupakan tumbuhan liar yang banyak tumbuh di kawasan hutan. Nama saintifik pokok ini ialah *artocarpus atilis*. Pokok ini mempunyai akar tunjang dan akarnya yang menjalar dan berserabut membolehkan tumbuh secara meliar. Pokok takalong ini jenis pokok yang bergetah dan banyak tumbuh di kepulauan Borneo, Indonesia dan Filipina. Pokok takalong terdapat dua jenis iaitu pokok takalong berdaun panjang dan pokok takalong berdaun lebar. Ketinggian pokok ini mencapai 12 kaki hingga 15 kaki panjang¹. Kulit kayu takalong banyak memberi manfaat kepada etnik masyarakat di Sarawak iaitu iban, orang ulu, dayak dan bidayuh serta masyarakat borneo dalam membuat barangan harian. Tambahan lagi, kulit kayu ini mempunyai gentian yang kuat untuk membuat tali tambok, selimut, baju tradisional, terendak, beg dan pembuatan produk kraf tangan yang lain. Kulit kayu ini juga mempunyai ciri dapat menanggung beban yang berat, tidak rapuh, tidak reput, kuat dan mudah

¹ [www.life.illinois.edu/plantbio/digital flowers / moraceae / 39.htm](http://www.life.illinois.edu/plantbio/digital%20flowers/moraceae/39.htm)

[www.montosogardens.com / artocarpus_atilis.htm](http://www.montosogardens.com/artocarpus_atilis.htm)

meresap warna dan sangat penting dalam pembuatan kraf tangan bagi masyarakat Sarawak².

Teknik sulaman merupakan teknik yang spesifik pada penggunaan benang, fabrik dan peralatan dalam pembuatan benang. Menurut Young Yang Chung, sulaman merupakan salah satu ungkapan seni kuno teknik jahitan yang diamalkan oleh seseorang. Tambahan lagi, sulaman dapat diaplikasi dengan teknik-teknik dan bahan-bahan yang digunakan serta berubah selama ribuan tahun, dari zaman prasejarah manusia hingga pada masa ini. Sulaman dapat menyuarakan perasaan, inspirasi, cita-cita dan keyakinan seseorang³. Menurut Carol Joyce (1993), sesuatu rekaan sulaman boleh digambarkan secara keseluruhan melalui teknik jahitan kerana ianya dapat menghasilkan latar belakang sesuatu motif⁴. Menurut John Gillow dan Bryan Sentence (1999), sulaman merupakan hasil seni yang menggunakan jahitan sebagai hasil dekoratif. Tambahan lagi, teknik ini tidak memerlukan kelengkapan yang besar seperti tenunan di mana coraknya memerlukan ketelitian secara linear. Beberapa jenis jahitan dikenalpasti digunakan di seluruh dunia termasuk pada tiga asas jahitan sulaman iaitu rata, kerawang dan timbul. Terdapat jenis tusukan yang umum dikenalpasti dalam sulaman adalah tusuk rantai, tusuk jelujur, tusuk kelim, dan tusuk silang⁵.

³Althea Mackenzie, (2004). *Embroideries* (pg 92).

⁴Carol Joyce dan Watson GuptiU publication/New York, (1993). *Textiles Design* (pg 134).


⁵Joyce Gillow dan Bryan Sentence, (1999). *World Textiles A guides to tradisional techniques* (pg 170).

Menurut Pauline Brown (2001), sulaman tangan dan sulaman mesin juga salah satu sulaman yang biasa dihasilkan. Sulaman tangan memerlukan penelitian terhadap permukaan pada fabrik agar sulaman yang dihasilkan menarik dan versatil. Jahitan sulaman yang biasa contohnya sulaman riben, sulaman manik rantaian, sulaman benang, sulaman pita, sulaman seni cantuman, sulaman tiga dimensi, logo, sulaman potret dan sebagainya. Jahitan sulaman ini memerlukan seseorang yang berkemahiran dan mempunyai asas jahitan. Sulaman mesin merupakan sulaman yang klasik berkontemporari dalam menghiasi sesuatu fabrik. Sulaman ini memberi kesan yang berbeza berbanding sulaman daripada buatan tangan. Jahitan sulaman mesin kebiasaannya menggunakan fungsi jahitan yang tidak menonjol contohnya sulaman kerawang, zigzag, jahitan sejajar, dan jahitan rata. Teknik jahitan sulaman mesin contohnya teknik menjahit sulaman kia, teknik menjahit sulaman satin selaras/selari, teknik menjahit sulaman satin penguasaan lutut, teknik menyulam motif daun, teknik menyulam motif bunga, dan teknik menyulam hiasan⁶.

⁶ Pauline Brown, (2001). *Decoration Fabric* (pg 64-74).

1.1 SOROTAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada eksperimentasi teknik sulaman pada kulit kayu takalong. Teknik-teknik sulaman akan dikaji secara pengaplikasian untuk mengetahui tahap kesesuaian pada kulit kayu takalong ini. Berdasarkan kajian lepas, cik Emily Evelyn Roipin, pelajar dari program seni reka Tekstil dan Fesyen di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada tahun 2007, beliau telah membuat penyelidikan tentang kajian kulit kayu takalong diaplikasikan dalam rekaan *couture*. Kajian beliau hanya tertumpu pada eksperimentasi mengubah sifat-sifat kulit kayu takalong. Beliau telah menjalankan penyelidikan kulit kayu ini dengan mengaplikasikan ke dalam rekaan *couture* dengan berkonsepkan *Elegant Ethnic*. Kulit kayu takalong ini menunjukkan potensi bahan alternatif dalam rekaan fesyen (rujuk rajah 1).



Rajah 1 Fesyen *couture* berkonsepkan *elegant ethnic* dari kulit kayu Takalong

Sumber kajian lepas juga iaitu kajian yang telah dijalankan oleh Christina Henry Yan Masing (2006), beliau menjalankan penyelidikan tentang pembuatan benang menggunakan kulit kayu takalong. Beliau telah membuat kajian bahawa penghasilan benang daripada kulit kayu ini berjaya dihasilkan namun begitu, pemerhatian yang dilakukan pada benang kulit kayu ini adalah susah mendapatkan kepanjangan dan mudah tercarik serta kasar. Melalui penerokaan terhadap kulit kayu takalong telah dikenalpasti untuk dijadikan sebagai bahan penyelidikan dalam teknik-teknik sulaman. Maka pengaplikasian teknik sulaman akan dikaji secara lebih mendalam dari segi ketahanan dan tekstura pada kulit kayu takalong.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah rawatan yang sesuai untuk melembutkan kulit kayu takalong?
2. Adakah karakter kulit kayu takalong boleh diubah melalui proses rawatan?
3. Apakah teknik sulaman yang sesuai untuk diaplikasi pada kulit kayu takalong?

1.3 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemerhatian yang telah dirumuskan oleh pengkaji terhadap kajian teknik sulaman pada kulit kayu takalong sebagai produk kraf tangan ini didapati bahawa :

- Karakter kulit kayu takalong perlu dikaji agar penyelesaian teknik sulaman dapat disulam di atas strukturnya yang bersifat tebal, keras dan kasar.
- Pengaplikasian teknik sulaman pada kulit kayu takalong adalah kurang popular terutamanya di pasaran komersil.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Melalui dapatan pernyataan masalah yang dirumuskan oleh pengkaji, objektif kajian yang diperolehi adalah seperti berikut :

- Mengenal pasti proses rawatan yang bersesuaian untuk mengubah karakter kulit kayu takalong.
- Mengaplikasi teknik sulaman tangan bersesuaian pada kulit kayu takalong.
- Menghasilkan produk kraftangan yang memaparkan material kulit kayu takalong.
- Membuat validasi terhadap produk akhir melalui industri kraftangan.

1.4 HIPOTESIS

Kajian terhadap teknik sulaman pada kulit kayu takalong tidak dieksplotasi kerana pengaplikasian teknik sulaman pada kulit kayu takalong tidak begitu popular khususnya dalam pasaran komersil. Oleh sebab demikian, kulit kayu takalong mempunyai karakter yang tebal, kasar dan keras. Faktor ini menyebabkan sukar untuk mengaplikasikan teknik sulaman pada produk kraftangan.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti potensi teknik sulaman pada kulit kayu takalong untuk diaplikasikan pada produk kraftangan, dalam penghasilan bagi menjayakan produk kraftangan. Selain itu, kajian diharap dapat mendedahkan kepada masyarakat terhadap ciri-ciri komersil pada teknik sulaman di atas kulit kayu takalong dalam penghasilan produk kraf yang kreatif.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini memfokuskan kepada penghasilan teknik sulaman jenis gabungan jahitan mesin dan jahitan tangan. Tambahan lagi juga, kajian memfokuskan teknik pewarnaan secara celupan yang minima dengan gabungan jahitan manik pada material kulit kayu takalong.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian ini adalah disebabkan sumber kulit kayu adalah terhad. Kajian ini memfokuskan material kulit kayu sebanyak 60% dan produk kraftangan sahaja. Selebihnya dicampurkan dengan fabrik berasaskan gentian asli sebagai material tambahan. Tambahan lagi, kajian ini dapat membantu memberi alternatif lain dalam penghasilan kraftangan bersumberkan kulit kayu.

1.8 KESIMPULAN

Keseluruhan bab ini, data-data dapat diperolehi secara teratur terutama dari segi mengenal pasti dan cara penyelesaian melalui objektif kajian. Eksperimentasi pada kulit kayu takalong mampu memberi penyelesaian kepada masalah kraftangan yang mengguna kulit kayu takalong yang terhad rekaannya.

BAB 2

METODOLOGI KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Metodologi penyelidikan adalah kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dalam kajian. Pengkaji menggunakan kaedah primer dan kaedah sekunder secara kualitatif dan kuantitatif untuk membantu dalam proses penganalisa data.

2.1 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian yang dijalankan terhadap **Eksperimen Teknik Sulaman Pada Kulit Kayu Takalong** ini, data yang akan diperolehi terbahagi kepada dua bahagian iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah merupakan sumber data utama yang diperolehi melalui melakukan pemerhatian, sesi temubual, borang soal selidik dan menjalankan eksperimen. Manakala sumber data sekunder diperolehi melalui bahan-bahan bacaan buku, tesis dan laman sesawang (rujuk rajah 2).

2.2 Data Primer

Data primer merupakan maklumat yang diperolehi daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Melalui kaedah kualitatif ini, pengkaji telah menjalankan temubual, pemerhatian, borang soal selidik dan eksperimentasi.

2.2.1 Pemerhatian

Pengkaji akan mengenal pasti karakter kulit kayu takalong melalui pemerhatian, antaranya seperti berikut:

i) Membuat pemerhatian ketika ke lokasi perkampungan etnik Sarawak di sekitar Serian :

- Pemerhatian bermulanya penghasilan takalong daripada proses menebang sehingga proses melembutkan kulit kayu.

ii) Pemerhatian di Perbadanan Kraftangan Cawangan Sarawak di Kuching :

- Proses pembuatan produk kraftangan berunsurkan kulit kayu takalong.
- Rekaan produk yang sedia ada.

iii) Membuat pemerhatian semasa melakukan eksperimentasi :

- Membuat pemerhatian rawatan yang bersesuaian pada kulit kayu takalong untuk menghasilkan tekstura yang bersesuaian.
- Mengenal pasti teknik sulaman gabungan jahitan mesin dan jahitan tangan yang bersesuaian agar sulaman pada kulit kayu takalong berjaya dihasilkan.

2.2.2 TemuBual

- Pengkaji menggunakan kaedah temubual dan telah membuat temubual kepada sasaran kajian iaitu pengusaha kulit kayu takalong, responden yang berpengalaman dalam pembuatan kulit kayu takalong dan pereka pembuatan produk kraf.
- Temubual ini bertujuan untuk mengetahui lebih mendalam mengenai asal usul, karakter dan potensi kulit kayu takalong daripada penghasilan dalam pasaran kraftangan.
- Melalui temubual, soalan-soalan telah dibahagi kepada beberapa bahagian untuk ditujukan kepada beberapa kategori sasaran responden.
- Soalan-soalan bersangkutan adalah seperti ; bagaimana asal usul sejarah ringkas, tekstura dan kategori kulit kayu takalong, karakter kulit kayu takalong dan teknik-teknik yang digunakan dalam penghasilan rekaan sedia ada yang berunsurkan kulit kayu ini.

2.2.3 Borang Soal Selidik

Borang soal selidik telah diedarkan kepada 40 orang responden yang terdiri daripada 20 orang dalam kalangan profesional dan pelajar. Golongan profesional adalah terdiri daripada pengusaha dan pekerja yang berkhidmat di Perbadanan Kraftangan Sarawak serta golongan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah berpusat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Teknologi Mara (UITM).